

# Ibu bapa perancang kewangan terbaik anak

**Peribahasa** Melayu ada menyatakan bahawa "sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit". Maksudnya, ia merujuk kepada bersabar dan gigih dalam melakukan sesuatu akhirnya akan memberikan hasil yang memuaskan.

Peribahasa ini amat cantik kalau direalisasikan dalam konteks pengurusan kewangan, terutama apabila berbicara soal tabungan atau simpanan.

Persoalan yang perlu dirungkai ialah sejauh mana amalan menabung ini dalam kalangan rakyat Malaysia.

Menurut Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2018 oleh Bank Negara Malaysia, empat perkara yang membimbangkan mengenai rakyat Malaysia ialah tahap pengetahuan kewangan, simpanan dan belanjawan, kesediaan menghadapi peristiwa yang tidak dijangka dalam kehidupan dan perancangan untuk persaraan.

Antara dapatan menarik, satu daripada lima orang dewasa Malaysia yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam bulan sebelumnya.

Majoriti rakyat (84 peratus) pula menyatakan, bahawa mereka mempunyai simpanan untuk

jangka masa terdekat di mana simpanan itu dikeluarkan pada akhir bulan untuk menampung perbelanjaan seharian.

Sementara itu, 52 peratus rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan.

Laporan Institut Penyelidikan Khazanah mendapati purata kadar simpanan isi rumah Malaysia antara tahun 2006 sehingga 2013 adalah pada kadar 1.6 peratus.

Hakikatnya, tabungan atau simpanan kebanyakan rakyat Malaysia masih belum mencukupi dan sekiranya berlaku sebarang perkara kecemasan, mereka tidak ada simpanan mencukupi.

Tambahan pula dengan situasi getir, berikutan penularan wabak COVID-19 yang belum pasti bila pengakhirannya.

Selain itu, sebagai role model terbaik, ibu bapa disaran membuat perancangan kewangan untuk anak.

Ibu bapa perlu meningkatkan kemahiran pengurusan aliran tunai anak iaitu dengan mula membuat tabungan atau simpanan untuk anak seawal usia mereka.

Ibu bapa yang menabung seawal usia anak adalah superhero.

Antara kelebihan menabung seawal usia anak adalah bagi tujuan pendidikan tinggi kerana kos semakin mahal dan membekalkan.

Tabungan awal dapat membantu mengurangkan bebanan kewangan dihadapi.

Ibu bapa dan keluarga disaran-



kan, memperuntukkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan diterima untuk tujuan tabungan atau simpanan setiap bulan secara konsisten.

Tabungan juga digunakan waktu kecemasan dan situasi di luar jangkauan.

Rentetan tragedi COVID-19, menyaksikan ramai rakyat Malaysia kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan. Individu dan keluarga yang tidak mempunyai simpanan serta tabungan berasa terkejut.

Pakar kewangan mencadang-

kan, seseorang itu perlu mempunyai simpanan kecemasan untuk tempoh tiga hingga enam bulan.

Ada enam teknik untuk membantu anda dan keluarga membuat tabungan iaitu pemetongan automatik, paksa rela, duit syiling, sampul surat, duit ganjil dan warna duit kertas.

Kaedah untuk menabung atau menyimpan juga pelbagai, bergantung kepada kemampuan seseorang dari segi kewangan dan keselesaan.

Ada individu yang suka menyimpan dengan membeli aset seperti rumah, bangunan dan tanah.

Peningkatan harga emas di pasaran menyaksikan ramai juga yang menyimpan dalam bentuk barang kemas dan ada pula membuat pelaburan unit amanah, amanah saham serta saham.

Selain itu, ada ibu bapa yang menyertai pelan pendidikan anak menerusi insurans atau takaful pendidikan sebagai salah satu bentuk tabungan keluarga.

Pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga menawarkan skim atau instrumen simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi yang dikenali sebagai Skim Simpanan Pendi-

kan Nasional (SSPN-i dan SSPN-i Plus) yang mempunyai pelbagai kelebihan dan manfaat.

Menyedari akan hakikat kepentingan menabung, PTPTN mengambil inisiatif menganjurkan Bulan Menabung SSPN 2020 yang mana sebelum ini dikenali, Minggu Menabung.

Ia acara tahunan dan menjadi signature kepada Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Objektif utama kempen, mendidik rakyat Malaysia agar mengutamakan simpanan demi masa depan dan pendidikan anak. Ia bermula dari 1 Oktober sehingga 31 Oktober 2020 sempena Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada setiap 31 Oktober setiap tahun.

Selain daripada dapat meningkatkan literasi kewangan, peserta juga berpeluang memenangi hadiah menerusi pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan secara atas talian.

Kesimpulannya, aktiviti menabung perlu terus dipupuk agar ianya menjadi budaya dalam keluarga.

Inisiatif berterusan ini amat diperlukan dalam usaha kita untuk melahirkan generasi muda celik kewangan. Jom Menabung!

**Penulis adalah** Pakar kewangan pengguna dan Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Jaringan Industri & Masyarakat), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia